

30 JUN 2001

Mahathir-Umno

DR MAHATHIR MAHU ANGGOTA UMNO PERBETULKAN KELEMAHAN DIRI

SHAH ALAM, 30 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu anggota parti memperbaiki segala kelemahan diri sebelum mereka dapat memberikan sumbangan lebih besar dan bermakna kepada Umno.

"Kita kena betulkan diri sendiri, mana-mana kelemahan diri, kita harus kikis dan gugurkan supaya kita dapat menyumbang kepada perjuangan parti," katanya ketika merasmikan Konvensyen Umno Selangor Ke-10 di sini hari ini.

Katanya setelah nilai-nilai murni ditanam dalam diri sendiri barulah anggota Umno akan boleh memberi fokus kepada paksi utama perjuangan parti terhadap agama, bangsa dan tanah air.

Perdana Menteri menasihati anggota Umno supaya berusaha menyelesaikan sebarang masalah dengan cara sendiri walaupun terpaksa bersusah dahulu dengan harapan akan senang pada masa hadapan.

Pada sidang media selepas itu, Dr Mahathir berkata beliau mengingatkan anggota Umno yang menghadiri konvensyen itu supaya memberi tumpuan kepada apa yang mereka boleh lakukan untuk diri mereka dan bukan menyatakan apa yang kerajaan patut lakukan untuk mereka.

Katanya kelemahan diri setiap anggota Umno mesti diperbaiki dahulu supaya parti tidak menjadi lemah sehingga boleh menjejaskan perjuangan terhadap bangsa.

Ketika ditanya mengenai budaya mengemukakan resolusi dan desakan kepada kerajaan terutamanya kepada Umno, di kalangan anggota parti, Dr Mahathir berkata Umno dan kerajaan hanya akan mengambil tindakan terhadap mana yang munasabah.

"Tetapi hendak suruh kita bubuh duit dalam saku orang susahlah...mereka perlu berusaha sendiri perlahan-lahan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kebanyakan daripada desakan dan resolusi yang dihasilkan daripada konvensyen Umno dan kongres ekonomi Bumiputera selalunya merujuk kepada kemiskinan bangsa Melayu.

Oleh sebab itu, katanya, Umno menekankan konsep menumpukan kepada kelemahan diri dan berusaha menanganinya supaya anggota Umno serta orang Melayu tidak akan terpinggir dari segi ekonomi.

Beliau berkata perjuangan bangsa Melayu masih tidak berjaya kerana unsur-unsur kemerosoton orang Melayu masih dapat dilihat setelah 43 tahun negara merdeka dan memerintah sendiri.

Mengenai kemungkinan bangsa Melayu akan menjadi kumpulan rakyat kelas kedua semasa negara mencapai status negara maju pada tahun 2020, Dr Mahathir berkata: "Kita berharap ia tidak berlaku, pasal tu (disebabkan itu) saya dok cakap (mengenai Melayu patut membaiki kelemahan diri) sekarang, mudah-mudahan kita (bangsa Melayu) akan berjaya."

-- BERNAMA

RIZ MK RZS RON